

PA ADD-ON: TRADITIONAL CHINESE MEDICINE EXPENSES

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Date: As Per Printing Date

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the PA Add-On: Traditional Chinese Medicine Expenses. Be sure to also read the general terms and conditions.

1. What is this Add-on about?

Traditional Chinese Medicine (TCM) Expenses is an Add-on to selected MSIG Personal Accident insurance that provides you with an annual reimbursement limit for TCM Expenses, without having to first seek treatment at a clinic registered with the Ministry of Health Malaysia, provided that you have consulted and received your first treatment from a Chinese Physician within 5 days of sustaining an injury.

With this Add-on, the TCM reimbursement entitlement under the Medical Expenses Benefit of your MSIG Personal Accident insurance will not be applicable, since this Add-on will have its own separate reimbursement limit. This Add-on is not subject to the Medical Expenses Benefit limit. The Medical Expenses Benefit of your MSIG Personal Accident policy will be solely for the reimbursement of medical expenses incurred for treatment of an injury at a hospital or clinic.

2. What are the covers/benefits provided?

This Add-on offers 3 plans for you to choose from:

Benefits	Plan 1 (RM)	Plan 2 (RM)	Plan 3 (RM)
Traditional Chinese Medicine Expenses Reimbursement of Traditional Chinese Medicine Expenses for injury, max per year	2,000	3,000	5,000

Note:

- **Traditional Chinese Medical Expenses** means the usual reasonable and customary expenses for treatment of Injury by a Chinese Physician.
- **Chinese Physician** means a person who is duly licensed or registered with a Traditional Chinese Medicine Practitioners Board in Malaysia to practice traditional Chinese medicine within the scope of his/her license according to the laws and regulations applicable in the geographical area of his/her practice.
- This Add-on will automatically be terminated once a claim(s) is/are made for a maximum reimbursement of the benefit limit of the Plan you have purchased, and there is no option to reinstate this Add-on.

Duration of cover is for one year. You need to renew your insurance policy annually.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact MSIG Insurance (Malaysia) Bhd or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

3. How much premium do I have to pay?

The Add-on premium that you have to pay depends on the plan you have selected and it may vary depending on our underwriting requirements.

Plan	Plan 1 (RM)	Plan 2 (RM)	Plan 3 (RM)
Annual Premium, excluding 8% service tax	50	65	80

4. What are the fees and charges that I have to pay?

Type	Amount
• Service Tax	• 8% of premium
• Commission paid to the Insurance Adviser	• 25% of premium

You are obligated to pay any applicable taxes (which include but not limited to service tax and stamp duty) imposed by the Malaysian tax authorities in relation to your Policy.

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- **Importance of Disclosure** – You must take reasonable care not to misrepresent when answering questions in the proposal form or in any request made by MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("Company") and check the information you have provided is complete and accurate. You should also disclose all relevant information which may influence the Company in the acceptance of this insurance, decide the terms and the premium you will pay. If you do not take reasonable care and the information provided by you is incomplete or inaccurate, this may affect your claim. Your responsibility to provide complete and accurate information when requested by the Company shall continue until the time of you entering into, making changes to or renewing your insurance.
- **Cash Before Cover** – This insurance shall not be effective unless the premium due has been paid.
- Unless renewed, the coverage will cease on expiry date and we shall strictly not be liable.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Policy Document for the terms and conditions under this Policy.

6. What are the major exclusion(s) under this Add-on?

This Add-on does not cover:

- Any TCM treatment administered by you, your spouse or a member of your immediate family, your business partner, your employer or your employee.
- Any TCM treatment administered by a person who is not duly licensed or registered with a Traditional Chinese Medicine Practitioners Board in Malaysia.
- Any TCM treatment if the claim documents do not bear the name and license number of the attending Chinese Physician from a Traditional Chinese Medicine Practitioners Board.

Note: The Add-on is subject to the general exclusions of the main Personal Accident. Please refer to the Policy Document for the full list of exclusions.

7. Can I cancel this Add-on?

You may cancel this Add-on at any time by notifying us in writing. Any refund of premium is based on the cancellation clause in your MSIG Personal Accident policy when you cancel the policy at the same time. No refund is allowed if there is any claim made during the period of cover.

8. What do I need to do if there are changes to my contact/personal details?

You must advise us in writing as soon as you are aware of any change in your contact/personal details or any other change which may increase the risk profile of this Policy. You may be required to pay additional premium as a result of any such change.

9. Where can I get further information?

Should you require additional information about this Add-on or personal accident insurance, please contact us at:

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Registration No.197901002705 (46983-W)
Customer Service Centre:
Level 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2050 8228
Fax: (603) 2026 8086
Customer Service Hotline: 1-800-88-MSIG (6744)
Email: myMSIG@my.msiga.com

10. Other types of Add-on cover available:

- COVID-19/Dengue Hospitalisation Cash Benefit

IMPORTANT NOTE: YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH YOUR INSURANCE ADVISER OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

This information provided in the Product Disclosure Sheet is valid as of 7 October 2024.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Manfaat Tambahan Kemalangan Diri (KD): Perbelanjaan Perubatan Tradisional Cina. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah keterangan tentang manfaat tambahan ini?

Perbelanjaan Perubatan Tradisional Cina (PTC) ialah manfaat tambahan kepada insurans Kemalangan Diri MSIG terpilih yang memberikan anda had pembayaran balik tahunan untuk Perbelanjaan PTC, tanpa perlu mendapatkan rawatan terlebih dahulu di klinik yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, dengan syarat anda telah berunding dan menerima rawatan pertama anda daripada Tabib Cina dalam tempoh lima (5) hari selepas mengalami kecederaan.

Dengan manfaat tambahan ini, kelayakan pembayaran balik PTC di bawah Manfaat Perbelanjaan Perubatan insurans Kemalangan Diri MSIG anda akan tidak terpakai, kerana manfaat tambahan ini akan mempunyai had pembayaran balik yang berasingan. Manfaat tambahan ini tidak tertakluk kepada had Manfaat Perbelanjaan Perubatan. Manfaat Perbelanjaan Perubatan polisi Kemalangan Diri MSIG anda adalah semata-mata untuk pembayaran balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk rawatan kecederaan di hospital atau klinik.

2. Apakah manfaat yang disediakan?

Manfaat tambahan ini menawarkan 3 pelan untuk anda pilih:

Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Perbelanjaan Perubatan Tradisional Cina Pembayaran balik Perbelanjaan Perubatan Tradisional Cina untuk kecederaan, maksimum setahun	2,000	3,000	5,000

Nota-nota:

- **Perbelanjaan Perubatan Tradisional Cina** bermaksud perbelanjaan biasa yang munasabah dan lazim untuk rawatan Kecederaan oleh Tabib Cina.
- **Tabib Cina** bermaksud seseorang yang dilesenkan atau berdaftar dengan Lembaga Pengamal Perubatan Tradisional Cina di Malaysia untuk mengamalkan perubatan tradisional Cina dalam skop lesennya mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai dalam kawasan geografi amalannya.
- Manfaat tambahan ini akan ditamatkan secara automatik sebaik sahaja tuntutan dibuat untuk pembayaran balik maksimum had manfaat Pelan yang telah anda beli dan tiada pilihan untuk mengembalikan manfaat tambahan ini.

Tempoh perlindungan adalah setahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium bagi manfaat tambahan yang anda perlu bayar tertakluk kepada pelan yang telah anda pilih dan ia mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan kami.

Pelan	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Premium Tahunan, tidak termasuk 8% cukai perkhidmatan	50	65	80

4. Berapakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis

- Cukai Perkhidmatan
- Komisen yang dibayar kepada Penasihat Insurans

Amaun

- 8% daripada premium
- 25% daripada premium

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung Polisi ini.

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** – Anda mesti mengambil penjiagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("Syarikat") dan memeriksa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma serta premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjiagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjejaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan hingga ke masa insurans itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.
- **Pembayaran Sebelum Perlindungan** – Insurans ini tidak akan berkuatkuasa kecuali premium belum bayar telah pun dibayar.
- Perlindungan akan terhenti pada tarikh tamat tempoh dan kami bertegas tidak akan bertanggungjawab kecuali jika insurans telah diperbaharui.

Nota: Maklumat ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di dalam Polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah manfaat tambahan ini?

Manfaat tambahan ini tidak meliputi:

- Sebarang rawatan PTC yang diberikan oleh anda, pasangan anda atau ahli keluarga terdekat anda, rakan kongsi perniagaan anda, majikan anda atau pekerja anda.
- Sebarang rawatan PTC yang diberikan oleh seseorang yang tidak dilesenkan atau berdaftar dengan Lembaga Pengamal Perubatan Tradisional Cina di Malaysia.
- Sebarang rawatan PTC jika dokumen tuntutan tidak mengandungi nama dan nombor lesen Tabib Cina yang merawat daripada Lembaga Pengamal Perubatan Tradisional Cina.

Nota: Manfaat tambahan adalah tertakluk kepada pengecualian am Kemalangan Diri utama. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkah saya membatalkan manfaat tambahan ini?

Anda boleh membatalkan manfaat tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberitahu kami secara bertulis. Sebarang pembayaran balik premium adalah berdasarkan klausa pembatalan dalam polisi Kemalangan Diri MSIG anda apabila anda membatalkan polisi pada masa yang sama. Tiada bayaran balik dibenarkan jika terdapat sebarang tuntutan dibuat dalam tempoh perlindungan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat kontak/peribadi saya?

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis tentang sebarang perubahan dalam maklumat kontak atau peribadi atau sebarang perubahan yang boleh meningkatkan kemungkinan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini. Anda mungkin dikehendaki untuk membayar premium tambahan akibat daripada perubahan sedemikian.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila hubungi kami di:

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)
Pusat Khidmat Pelanggan:
Tingkat 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2050 8228
Faks: (603) 2026 8086
Talian Khidmat Pelanggan: 1-800-88-MSIG (6744)
Emel: myMSIG@my.msig-asia.com

10. Lain-lain jenis manfaat tambahan yang disediakan:

- Manfaat Tunai Penghospitan COVID-19/Denggi

NOTA PENTING: ANDA PERLU BACA DAN FAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 7 Oktober 2024.